

Komen Kuan Yew: Indonesia panggil Duta Singapura

JAKARTA 27 Sept. - Kementerian Luar Indonesia telah memanggil Duta Singapura di Jakarta berhubung kenyataan Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew bahawa kaum minoriti Cina di Indonesia dipinggirkan secara sistematik.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Imron Cotan dipetik akhbar *The Jakarta Post*, berkata, "kita telah memanggil Duta Singapura di sini hari ini setelah menerima arahan terus daripada Menteri Luar. Kita akan meminta penjelasan, dan menyerahkan nota bantahan kita kepada kerajaan Singapura."

Menteri Luar, Hassan Wirayuda kini berada di New York untuk menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Selain memanggil Duta Singapura Ashok Kumar Mirpuri, Imron berkata, Kementerian Luar juga telah mengarahkan para pegawainya di Kedutaan Indonesia di Singapura untuk berjumpa pegawai tinggi Kementerian Luar Singapura bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

Kami mahu perkara ini diselesaikan secepat mungkin. Tidak benar kaum etnik Cina di Indonesia dipinggirkan. Kita mempunyai menteri dan anggota parlimen yang berketurunan Cina

"Kami mahu perkara ini diselesaikan secepat mungkin. Tidak benar kaum etnik Cina di Indonesia dipinggirkan. Kita mempunyai menteri dan anggota parlimen yang berketurunan Cina," katanya.

Menurut laporan, Lee memberitahu satu forum di Singapura bahawa Malaysia dan Indonesia telah meminggirkan masyarakat Cina yang tinggal di negara mereka secara sistematik.

Kenyataan beliau itu telah menimbulkan kontroversi dengan para pemimpin Malaysia dilaporkan meminta Lee memohon maaf kerana kenyataan itu.

Sebelum ini, beberapa anggota parlimen Indonesia turut membidas kenyataan Lee

itu dengan menuduhnya melakukan pembohongan dan mengancam perpaduan di Indonesia dan ASEAN, kata akhbar itu.

Mereka mendesak kerajaan supaya mengemukakan bantahan rasmi kepada kerajaan Singapura di samping menggesa Lee membuat permohonan maaf secara terbuka, menarik balik kenyataannya dan menjelaskan kenapa beliau hanya merujuk kepada pemimpin dan rakyat Indonesia.

Dianggarkan, rakyat Indonesia keturunan Cina terdiri daripada kira-kira tiga peratus atau sekitar 6.5 juta orang daripada seramai 220 juta orang penduduk negara itu.

Menurut akhbar itu, selain ketegangan

hubungan antara masyarakat Islam dan kaum etnik Cina, hubungan Indonesia-Singapura juga sering tegang.

Sebagai contoh, menurut pakar-pakar, Lee telah membuat beberapa kenyataan yang negatif mengenai Indonesia sebelum ini, di mana yang terakhir adalah dengan sengaja dan dikaitkan dengan permintaan Indonesia supaya Singapura mengekstradisi ahli perniagaan Indonesia keturunan Cina yang terlibat dengan kes penggelapan wang di Indonesia dan telah melarikan diri ke Singapura bagi mengelak daripada didakwa.

Ramai rakyat Indonesia mendakwa Singapura dengan sengaja melambat-lambatkan perbincangan mengenai permohonan ekstradisi berkenaan untuk mengambil kesempatan daripada ahli perniagaan Cina yang melarikan diri ke negara itu setelah menggelapkan wang negara manakala sesetengah yang lain menyatakan kebimbangan mereka terhadap pengambilalihan beberapa syarikat milik negara oleh Singapura,

- Bernama

IMRON COTAN
Ketua
Setiausaha
Kementerian
Luar Indonesia